

06/09/2003

Asean sokong Malaysia hos forum belia dunia

Mohd Fuad Razali

KUALA LUMPUR: Mesyuarat Menteri Belia Asean (AMMY) keempat di Manila pada 3 dan 4 September lalu sebulat suara menyokong tawaran Malaysia menjadi hos Forum Belia Sedunia Kelima pada 2005.

Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein, berkata mesyuarat menganggap tawaran Malaysia bersesuaian dengan usaha Asean menarik perhatian dunia ke rantau ini, terutama dalam bidang pembangunan belia.

Sehubungan itu, Malaysia akan membuat tawaran rasmi menerusi satu resolusi baru pada sesi ke-58 Mesyuarat Jawatankuasa Ketiga Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pertengahan bulan ini.

"Jika berjaya, forum ini akan dilaksanakan dalam tempoh 18 hingga 24 bulan selepas mesyuarat berkenaan. Seluruh negara anggota Asean sebulat suara bersetuju membantu Malaysia melobi pada peringkat mesyuarat PBB itu," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Hishammuddin berkata, sudah tiba masa untuk Malaysia diberi peluang dan penghormatan itu memandangkan forum berkenaan tidak pernah diadakan di Asia.

Katanya, berdasarkan kemampuan dan keupayaan memikul tanggungjawab itu, kerajaan bersetuju menyediakan peruntukan secukupnya dan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri meluluskan program berkenaan.

"Perwakilan Tetap Malaysia di New York juga sudah dimaklumkan mengenai hasrat Malaysia dan minat kita sudah didaftarkan kepada sistem PBB," katanya.

Beliau berkata, pengendalian forum akan mengangkat kedudukan program pembangunan belia di Malaysia serta membantu meningkatkan imej negara dalam bidang berkenaan di kalangan negara anggota PBB.

Hasil pencapaian forum itu pula bakal meletakkan nama Malaysia secara berterusan dalam peta pembangunan belia antarabangsa seperti Portugal yang menjadi hos pada 1998 yang menghasilkan Pengisytiharan Lisbon selain Senegal pada 2001 dengan Pengisytiharan Strategi Pengupayaan Belia Dakar.

Forum Belia Sedunia di bawah Sistem PBB adalah pentas utama belia bertemu di bawah naungan Perhimpunan PBB. Sehingga kini, Malaysia mempunyai jaringan kerjasama dengan badan belia antarabangsa seperti Program Belia Komanwel, Mesyuarat Menteri Belia Komanwel, Mesyuarat Pegawai Kanan Belia Asean dan Belia Apec.

Menerusi forum itu, Malaysia membantu menentukan dasar serta hala tuju program pembangunan belia yang diawasi badan berkaitan. Selain itu, Malaysia pernah menjadi tuan rumah Mesyuarat Menteri Belia Komanwel pada 1998, Mesyuarat Menteri Belia Asean (1997) dan Forum Asia Eropah (2002).

Hishammuddin juga berkata, pada mesyuarat baru-baru ini, Malaysia mencadangkan penubuhan tabung program belia untuk membiayai projek yang dilaksanakan menerusi sumbangan tahunan negara anggota serta mengurangkan pergantungan terhadap Dialog Rakan Asean+3 serta agensi lain.

Selain itu, Malaysia mencadangkan generasi muda menyertai AMMY serta diberi hak bersuara sejajar usaha meningkatkan pengupayaan belia pada peringkat paling tinggi.